

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

TARIKH JAWAPAN : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO.12

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kedudukan perancangan pembinaan Empangan Lebir dan Nenggiri. Apakah Kerajaan telah mengkaji secara terperinci kedudukan alam sekitar dan sosio-ekonomi kesan daripada pembinaan empangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pembinaan sebarang empangan dan skim kuasa hidroelektrik adalah tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 iaitu perlu menjalankan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) untuk menilai kesan pembinaan empangan terhadap pelbagai aspek alam sekitar dan sosioekonomi para penduduk. Dalam hal ini, bagi Projek Hidroelektrik Nenggiri, pihak Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sedang dalam proses perolehan bagi mendapatkan khidmat perunding untuk menjalankan Kajian EIA berkenaan. Tender untuk khidmat tersebut telah diapungkan pada 22 September 2015 dan akan ditutup pada 6 November 2015. Kajian EIA dijangka akan dapat dimulakan pada awal tahun 2016 dan akan mengambil masa lebih kurang 2 tahun. Projek tidak akan diteruskan selagi tidak mendapat kelulusan EIA.

2. Bagi Projek Hidroelektrik Lebir pula, Kerajaan masih mengkaji cadangan untuk membangunkan Empangan Lebir yang akan mempunyai dwifungsi, iaitu bagi tebatan banjir dan juga untuk penjanaan tenaga elektrik. Apabila keputusan untuk membina Empangan ini dipersetujui kelak, Kajian EIA juga akan dijalankan bagi memastikan Empangan ini tidak memberi kesan negatif kepada alam sekeliling dan sosioekonomi para penduduk di sekitarnya.
